

Lepasan SPM, STPM perlu dibimbing pilih kursus

Bidang apakah yang sepatutnya dipilih? Pelbagai persoalan yang bermain dalam minda lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) 2012 yang bakal melangkah masuk ke dunia baru selepas tamat alam persekolahan.

Sehubungan itu, kebanyakan mereka terpaksa bertarung nasib untuk merebut tempat di pusat pengajian tinggi awam atau swasta di Malaysia atau luar negara.

Selepas penat menunggu keputusan peperiksaan, kini pelajar lepasan sekolah menengah menanti harapan ke pusat pengajian tinggi.

Bijak pilih kursus

Seramai 524,214 bakal mengambil tempat di institusi pengajian tinggi dalam bidang yang mereka minati, sama ada dalam aliran pendidikan akademik atau pendidikan teknikal. Mereka yang baru melangkah ke dunia baru perlu bijak dalam memilih kursus yang ditawarkan institusi pengajian tinggi.

Melihat keadaan ini, ibu bapa perlu memainkan peranan pen-

ting dalam membantu anak mereka membuat pilihan yang tepat sebagai persediaan awal untuk melangkah ke dunia baru.

Sempena Karnival Jom masuk U yang sedang diadakan di semua negeri, ibu bapa perlu membawa anak mereka melawat ke sana untuk mendapatkan maklumat yang tepat, jelas dan terkini mengenai peluang pendidikan peringkat tinggi, maklumat pembiayaan bagi semua program

“
Ibu bapa perlu membawa anak mereka melawat karnival untuk mendapatkan maklumat yang tepat, jelas dan terkini mengenai peluang pendidikan peringkat tinggi, maklumat pembiayaan bagi pengajian”

pengajian dari peringkat asasi, diploma, ijazah pertama, sarjana hingga doktor falsafah.

Selain mendapat maklumat tambahan, ibu bapa dan anak masing-masing dapat berbincang bersama-sama mengenai jurusan yang mahu diambil dalam institusi pilihan mereka.

Golongan ini, perlu dibimbing dan diberi arah petunjuk untuk mereka membuat keputusan tepat dalam jurusan yang sesuai untuk diri mereka selari dengan kemampuan atau kebolehan serta minat mereka dalam sesuatu bidang.

Rujuk golongan berpengalaman

Pada masa sama, mereka masih keliru dengan pilihan mereka, antara pilihan sendiri atau pilihan ibu bapa. Golongan ini perlu merujuk kepada yang berpengalaman seperti guru atau mereka yang sudah melanjutkan pelajaran ke peringkat itu, bagi mengelak berlakunya kesilapan.

Dunia baru yang bakal mereka tempuhi lebih mencabar daripada alam persekolahan, yang mana mereka perlu mempersiapkan diri untuk menghadapi gelombang cabaran yang bakal tiba apabila mereka melangkah masuk ke institusi pengajian tinggi.

Nor Zella Mohd Baharudin
USIM